



## PENYATA PEMATUHAN TERHADAP

# KOD PELABUR INSTITUSI MALAYSIA

### BAGI TAHUN 2016

## PENGENALAN

### Latar belakang

Polisi ini menerangkan tentang pendekatan yang diambil oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berhubung pengendalian dan pengawasan korporat dan bagaimana polisinya mematuhi keperluan yang telah ditetapkan oleh Kod Pelabur Institusi Malaysia 2014 (Kod). Tujuan Kod tersebut ialah untuk meningkatkan komunikasi di antara pelabur institusi seperti KWSP dan syarikat pelaburannya yang tersenarai bagi membantu meningkatkan pulangan jangka panjang kepada pemegang saham serta menggalakkan lagi tadbir urus korporat yang baik di kalangan syarikat yang tersenarai.

### Apakah Kod Malaysia bagi Pelabur Institusi?

Kod tersebut telah dilancarkan pada 27 Jun 2014, berdasarkan salah satu cadangan daripada Pelan Tindakan Tadbir Urus Korporat 2011 (CG Blueprint) untuk merangka sebuah kod yang diterajui industri yang dijangka mampu meningkatkan kebertanggungjawaban pelabur institusi kepada ahli dan pelaburnya. Selain itu, pelabur institusi yang merupakan tunggak utama dalam pasaran kewangan global mempunyai pengaruh besar kepada syarikat-syarikat yang dilaburkannya menerusi pegangan saham signifikan yang dipegang. Pengaruh ini memberikan pelabur institusi keupayaan untuk memupuk tadbir urus dan amalan yang baik di kalangan syarikat-syarikat pelaburannya bagi memastikan mereka memberi nilai pulangan jangka panjang kepada pemegang saham.

Penggubalan kod tersebut telah dibuat melalui Jawatankuasa Pemandu dan Kumpulan Kerja yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil pengurusan kanan daripada institusi-institusi pelaburan besar di Malaysia termasuk KWSP, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP), Lembaga Tabung Angkatan Tentera, Lembaga Tabung Haji, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Persatuan Pengurus Aset Malaysia, Persatuan Takaful Malaysia, Pentadbir Pencen Swasta dan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad.

Kod tersebut bermatlamat untuk menetapkan prinsip-prinsip kecekapan pengawasan secara meluas oleh pelabur institusi seperti pendedahan mereka tentang polisi pengawasan, pemantauan dan penglibatan dengan syarikat pelaburan serta menguruskan konflik kepentingan.

## PEMATUHAN TERHADAP KOD

### PRINSIP 1

#### Pendedahan polisi pengawasan

*Pelabur Institusi perlu mendedahkan polisi tanggungjawab pengawasan mereka.*

Semenjak ditubuhkan pada 1951, KWSP telah melaburkan dananya dalam pelbagai portfolio kelas asset yang merangkumi bon dan sekuriti kerajaan, ekuiti awam dan swasta, instrumen pasaran wang dan hartanah. KWSP mempunyai komitmen jangka panjang kepada struktur pentadbiran yang kukuh dan juga prosedur dan proses pelaburan yang berdisiplin. Aktiviti dan operasi KWSP dikawal di bawah Akta KWSP 1991 di mana pelaburan dibuat berdasarkan Seksyen 26 akta berkenaan.

Akta berkenaan juga memperuntukkan penubuhan Panel Pelaburan yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan pelaburan. Panel Pelaburan dianggotai oleh wakil dari Kementerian Kewangan, Bank Negara Malaysia dan tiga lagi daripada pakar kewangan dan pelaburan. Panel Pelaburan merangka polisi, garis panduan dan kriteria terhadap keseluruhan perkara berkaitan pelaburan dan memantau secara dekat aktiviti-aktiviti pelaburan KWSP. Panel Pelaburan juga bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan yang berhemah dalam pelaburan KWSP bagi pihak ahlinya.

Di peringkat pengurusan, sebelum sebarang keputusan pelaburan dibuat, pengurusan kanan bahagian pelaburan akan melakukan saringan secara professional dan bebas terhadap cadangan pelaburan tersebut dan menyelesaikan sebarang perkara berkaitan pelaburan menerusi Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan (MIC). Jawatankuasa yang bermesyuarat pada setiap minggu ini juga bertanggungjawab keatas operasi harian aktiviti pelaburan.

Semua transaksi pelaburan diuruskan oleh Bahagian Pelaburan berdasarkan alokasi aset yang telah diluluskan oleh MIC, Panel Pelaburan dan Kementerian Kewangan.

Sebahagian daripada dana KWSP disalurkan untuk diuruskan oleh pengurus dana luar yang telah dipilih berdasarkan beberapa kriteria yang meliputi kualiti falsafah dan proses pelaburan, pengalaman organisasi berkenaan dan pasukannya, prestasi kewangan yang konsisten dan juga struktur organisasi dan lembaganya.

Prinsip Tadbir Urus Korporat KWSP ditetapkan dalam empat teras pengawasan yang baik:

- 1 **Lembaga yang efektif:** Lembaga yang efektif dan bebas dengan kepelbagaian ahli yang berdaya saing tinggi untuk melaksanakan penilaian yang objektif.
- 2 **Mengurus Konflik:** Mengurangkan konflik kepentingan di antara pihak berkepentingan dan yang berkaitan.
- 3 **Kecekapan:** Cepak dan produktif dalam menggunakan sumber demi faedah terbaik pemegang saham.
- 4 **Ketelusan:** Ketelusan melalui pendedahan maklumat penting yang tepat pada masa dan lengkap untuk keputusan yang pemegang saham yang efektif.

**PRINSIP 2****Memantau Syarikat Pelaburan**

*Pelabur Institusi perlu memantau syarikat pelaburan mereka.*

Pasukan pengurus pelaburan KWSP dan penganalisis memantau dengan ketat syarikat-syarikat pelaburan KWSP. Sebahagian besar proses pemantauan ini merangkumi mesyuarat bersama pengurusan syarikat pelaburan, menganalisis laporan tahunan dan pengumuman syarikat, saringan pelaburan dan mengkaji kajian luaran. Pasukan pelaburan KWSP mengadakan pertemuan yang kerap dengan syarikat pelaburan and bertanyakan soalan berkenaan strategi syarikat, prestasi kewangan dan isu-isu relevan yang lain seperti isu alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dan perkembangan terkini. Sebarang kebimbangan dipantau dan dibangkitkan di sesi dialog mesyuarat dan resolusi-resolusi pengundian dianalisis sebelum keputusan dibuat. Jika KWSP percaya sesuatu keputusan atau cadangan oleh pengurusan syarikat akan memberi kesan negatif kepada nilai jangka panjang syarikat tersebut, KWSP akan membangkitkan isu berkenaan secara bertulis, mesyuarat, dialog atau penglibatan di antara pegawai pelaburannya dan pengurusan syarikat tersebut. Untuk melindungi dan meningkatkan nilai pemegang saham, KWSP akan memantau maklum balas syarikat berkenaan bagi memastikan tindakan telah diambil untuk menangani isu yang dibangkitkan.

Sebagai sebahagian daripada program penglibatan peringkat tertinggi kami bersama syarikat pelaburan, Ketua Pegawai Eksekutif KWSP telah mengetuai pasukan ketua jabatan pelaburan untuk melawat 37 buah syarikat di bawah Program Lawatan CEO pada tahun 2016.

Sebagai tambahan kepada Program Lawatan CEO tersebut, pasukan penganalisis KWSP telah mengadakan sebanyak 493 mesyuarat bersama lebih 100 buah syarikat Malaysia dibawah pemantauan.

**PRINSIP 3****Pembabitan dengan Syarikat Pelaburan**

*Pelabur Institusi perlu membabitkan diri dengan syarikat pelaburan mengikut kesesuaian.*

KWSP percaya penjajaran kepentingan di antara pemegang saham jangka panjang dan syarikat akan memenuhi tanggungjawab fidusiarinya untuk mencapai pulangan dengan risiko yang diselaraskan. KWSP membabitkan diri dengan syarikat-syarikat mengenai isu-isu yang boleh memberi kesan kepada nilai jangka masa panjang mereka. Pembabitan boleh berkait dengan prestasi kewangan, pelan strategik jangka panjang dan isu ESG syarikat. Pembabitan dengan syarikat pelaburan biasanya dilaksanakan apabila ianya dipercayai akan membawa kepada peningkatan atau dapat mencegah kemerosotan prestasi syarikat.


Pendekatan KWSP dalam aktiviti pembabitan ini adalah berdasarkan dua cabang iaitu:

- Pembabitan bersama lembaga dan pengurusan syarikat pelaburan berkenaan isu ESG dan strategi jangka masa panjang dengan objektif memaksimumkan pulangan jangka panjang pemegang saham. Ini dilaksanakan melalui pembabitan berjadual tahunan oleh pihak pengurusan atasan KWSP.
- Pembabitan bersama pengurusan syarikat pelaburan oleh kumpulan penganalisis KWSP berkenaan model perniagaan dan prestasi kewangan dengan berobjektifkan pemantauan berterusan terhadap syarikat pelaburan.

Pembabitan lebih lanjut turut diadakan dari masa ke masa bergantung kepada jenis dan tahap kebimbangan serta tindak balas syarikat kepada isu tersebut. KWSP juga membabitkan diri dengan syarikat dengan menghadiri mesyuarat pemegang saham yang merupakan salah satu saluran dimana pemegang saham boleh berkomunikasi dengan lembaga pengarah. Penyelarasan kepentingan juga dapat dicapai melalui mesyuarat dan perbincangan.

Pada tahun 2016, KWSP telah menghadiri 109 mesyuarat pemegang saham dan mengundi 806 resolusi. Jabatan Penyelidikan Ekuiti telah menganalisis kesemua resolusi tersebut berdasarkan Prinsip Tadbir Urus Korporat dan Panduan Pengundian KWSP. Panduan tersebut adalah berdasarkan amalan tadbir urus terbaik bagi syarikat-syarikat yang disenarai awam dan sejajar dengan Prinsip Tadbir Urus Korporat KWSP.

Carta berikut menunjukkan bilangan resolusi yang telah diundi KWSP pada tahun 2016 dan sebab mengapa KWSP telah membuat keputusan untuk mengundi menentang atau berkecuali.



Disamping menghadiri mesyuarat analisis dan pemegang saham, KWSP juga telah memulakan pembabitan secara spesifik bersama beberapa syarikat mengenai isu-isu berikut;

### Isu berkenaan pelaksanaan undang-undang alam sekitar oleh syarikat kelapa sawit

Kebanyakan syarikat-syarikat besar kelapa sawit adalah ahli kepada Rundingan Meja Bulat Sawit Lestari (RSPO). Bagaimanapun sebuah syarikat telah digantung pensijilan RSPOnya susulan aduan oleh Aidenvironment berhubung operasinya di Indonesia. KWSP telah menulis kepada syarikat berkenaan dan menyuarakan kebimbangan terhadap isu tersebut dan memohon syarikat berkenaan menerangkan isu sebenar pergantungan sijil RSPO tersebut, langkah yang perlu diambil untuk menangani kesan pergantungan yang berlarutan pada masa hadapan dan implikasinya kepada pendapatan dan keuntungan syarikat.

Sebuah syarikat lagi secara sukarela telah menarik diri daripada pensijilan RSPO dalam usaha menjaga kepentingan pekebun-pekebun kecil dan penerokanya yang menyumbang sehingga 30% kepada pengeluaran syarikat. KWSP juga telah menulis kepada syarikat berkenaan mengenai isu tersebut dan memintanya untuk menerangkan potensi impak pengunduran tersebut kepada perolehan syarikat, usaha yang diambil untuk mengatasi

sentimen negatif dalam pasaran berikutan pengunduran dan masa yang akan ambil untuk memperbetulkan masalah tersebut dan permohonan semula pensijilan RSPO.

Dalam kedua-dua kes, kebimbangan KWSP melangkaui aspek kewangan dan kesan ke atas reputasi syarikat berkenaan.

### **Isu berkenaan Standard Alam Sekitar, Buruh, Keselamatan dan Kesihatan.**

Penemuan mineral bauksit di Pantai Timur Malaysia baru-baru ini telah menyebabkan komuniti tempatan terdedah kepada isu alam sekitar dan kesihatan yang serius ekoran pengurusan infrastruktur yang lemah daripada aktiviti perlombongan hingga ke proses pengangkutan. KWSP telah mengetengahkan kebimbangan ini kepada syarikat yang berkaitan dan mereka telah memberikan maklum balas bersama senarai yang menyeluruh tentang tindakan yang sedang diambil untuk memastikan bauksit yang diuruskan di kawasan tersebut tidak akan lagi mengakibatkan kemusnahan alam sekitar di kawasan sekitarnya.

Dalam dua lagi kes lain melibatkan syarikat hartanah yang tersenarai iaitu jejambat pejalan kaki yang roboh berdekatan Mid Valley Megamall dan kemalangan ngeri di mana pencangkuk kren terjatuh dan mengorbankan pengguna jalan raya di pusat bandar Kuala Lumpur adalah contoh pelanggaran standard kesihatan, keselamatan dan sekuriti. KWSP telah menulis kepada syarikat yang terlibat untuk mendapatkan pendedahan yang lebih lanjut mengenai penglibatan mereka dan langkah yang telah diambil untuk meringankan risiko terhadap keselamatan penduduk dan isu kesihatan yang berbangkit daripada aktiviti mereka.

Terdapat artikel yang dilaporkan oleh media asing yang mendakwa sebuah syarikat Malaysia tersenarai yang terlibat dalam menaik taraf stadium di Timur Tengah, telah melanggar hak asasi manusia terhadap buruh asingnya. Walaupun syarikat terbabit telah melalui banyak proses pembetulan, penglibatan mereka dalam projek berkaitan telah digantung sehingga mereka berjaya menunjukkan "penambahbaikan yang mampan" dalam operasinya. Sebagai pemegang saham, KWSP komited untuk memastikan amalan buruh yang adil oleh syarikat-syarikat pelaburannya dan mengetengahkan kebimbangan kami terhadap hal tersebut dan menuntut justifikasi daripada syarikat terbabit mengenai potensi impak kepada operasi, kewangan dan juga perancangan untuk mengatasi masalah berkenaan.

### **Isu berkenaan Imbuhan Pengarah**

Tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar bagi industri minyak dan gas berikutan kejatuhan harga minyak yang mendadak. Bagaimanapun, apabila pengarah eksekutif sebuah syarikat minyak dan gas menerima bayaran yang lumayan dalam bentuk tunai dan geran saham ketika syarikat mencatatkan kerugian dalam tahun kewangan terkini, KWSP dengan segera telah berhubung dengan syarikat berkenaan dan Pengerusinya untuk mendapatkan penjelasan. Ketika ini isu berkenaan masih belum diselesaikan. Bagaimanapun KWSP telah meletakkan syarikat berkenaan di bawah pemantauan yang ketat bagi memastikan bayaran kepada eksekutif bersesuaian dengan prestasi syarikat.

### **Isu berkenaan konflik kepentingan**

Berkenaan resolusi sebuah syarikat dalam mesyuarat pemegang saham untuk memperbaharui mandat sedia ada bagi transaksi pihak berkaitan yang berulang, KWSP telah berhubung dengan pengurusan untuk menghentikan peralihan teknologi maklumat dan kos berkaitan yang perlu dibayar berjumlah RM42.4 juta dan mencajnya kepada pihak lain sebagai ganti. KWSP melihat kos ini sebaliknya perlu ditanggung oleh pemegang saham majoriti dalam usaha memastikan keadilan kepada pemegang saham minoriti.

**PRINSIP 4****Mengurus Konflik Kepentingan**

*Pelabur Institusi perlu mempunyai polisi yang kukuh dalam mengurus konflik kepentingan di mana ianya perlu didedahkan kepada awam.*

KWSP komited untuk mematuhi standard tertinggi tadbir urus korporat secara menyeluruh dalam organisasi yang menjadi asas dalam melaksanakan tanggungjawab fidusiar untuk melindungi dan menambah baik simpanan ahli. KWSP telah meletakkan pelbagai polisi untuk menangani sebarang konflik kepentingan yang berkaitan dengan pengawasan. Ini bertujuan untuk mengekalkan integriti pembuat keputusan di dalam KWSP ketika berurusan dan menguruskan pelaburannya.

Berkenaan konflik kepentingan dalam KWSP, ahli Lembaga KWSP, Panel Pelaburan dan jawatankuasa-jawatankuasa kecilnya dikehendaki membuat pengisytiharan kepentingan sebelum mesyuarat dan berkecuali dari mengambil bahagian dalam perbincangan dan membuat keputusan. Sebagai contoh, jika terdapat transaksi dengan pihak berkaitan dimana ahli Panel Pelaburan KWSP juga merupakan ahli Lembaga Pengarah syarikat berkenaan, individu tersebut akan dikecualikan dari menghadiri sebarang perincangan.

Selain itu, polisi di bawah juga dilaksanakan bagi menangani kemungkinan konflik kepentingan dalam KWSP:-

- Sekatan keatas urusniaga saham tersenarai terhadap pegawai pelaburan
- Polisi "Chinese Wall"
- Polisi Tiada Hadiah
- Pengisytiharan Kepentingan/Hubungan dengan Panel Broker untuk Ekuiti
- Kod Etika KWSP
- Pengisytiharan Pemilikan Harta oleh Kakitangan

**PRINSIP 5****Kemampuan Diintegrasikan**


*Pelabur Institusi perlu mengintegrasikan tadbir urus korporat dan pertimbangan kemampuan dalam proses membuat keputusan pelaburan.*

Kemampuan dalam pelaburan bermaksud keupayaan untuk meneruskan perniagaan secara bertanggungjawab, dengan mengambil kira impak terhadap konteks alam sekitar dan sosial disamping memastikan prestasi jangka panjang dan kekal kukuh. Secara amnya, KWSP aktif memantau aspek tadbir urus syarikat-syarikat pelaburan sejak awal penubuhan Kod Malaysia bagi Tadbir Urus Korporat pada 2012. Sejak itu, pertimbangan ini telah berkembang untuk melibatkan aspek alam sekitar dan sosial dalam amalan korporat. KWSP sentiasa percaya bahawa amalan tadbir urus yang baik, berserta kepekaan terhadap risiko alam sekitar dan sosial adalah peneraju penting dalam nilai pelaburan. Sebagai tambahan kepada aspek kewangan dan tadbir urus syarikat yang menjadi fokus kepada KWSP sebelum ini, kami telah mula mengintegrasikan aspek ESG dalam proses pemantauan pelaburan berkaitan bagaimana sesebuah syarikat mencapai matlamat kewangan jangka panjang dan dalam masa yang sama menghasilkan impak positif kepada alam sekitar dan sosial. Peringkat awal analisis juga telah dilakukan di fasa saringan, bertujuan menyaring beberapa pelaburan dari perspektif etika (tembakau, perjudian, arak, dan lain-lain). Dengan pelaksanaan pilihan berasaskan Syariah, proses mengintegrasikan faktor ESG dalam proses dan keputusan pelaburan akan menjadi lebih intensif. KWSP juga membangunkan alat penafaran dalaman untuk memantau dan menilai prestasi syarikat dari aspek ESG. Dengan standard pendedahan ESG yang lebih baik oleh syarikat pelaburan di bawah inisiatif Laporan Kemampuan dan/atau Laporan Intergasi Bursa Malaysia, kami telah bersedia untuk


perjalanan jangka panjang untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai standard ESG di Malaysia.

KWSP telah membangunkan mekanisma penarafan dalaman untuk menilai kualiti aspek ESG oleh syarikat pelaburan dibawah pengawasan berdasarkan bagaimana syarikat mematuhi Kod Tadbir Urus, standard pendedahan dan bagaimana syarikat mengintegrasikan ESG, sehingga ke pengendalian mesyuarat agung. Alat ini mampu menghasilkan penarafan yang boleh dipertimbangkan semasa membuat penilaian terhadap syarikat sebagai tambahan kepada analisis kuantitatif tradisional yang dilakukan terhadap kewangan mereka.

**Pra-Mesyuarat Agung (46 soalan)**  
Wajaran: 90%




**Pasca-Mesyuarat Agung (6 Soalan)**  
Wajaran: 10%




Berdasarkan 74 syarikat yang dinilai pada 2016, kami mendapati bahawa penggunaan ESG adalah condong ke kiri, menggambarkan lebih banyak syarikat telah bergerak ke arah kedudukan yang lebih tinggi. Bursa Malaysia mengekalkan kedudukannya sebagai syarikat ESG terbaik dalam pemantauan kami, diikuti oleh CIMB, Maybank, Axiata dan DRB-Hicom. Lima syarikat yang terendah didahului oleh YTL Corp, YTL Power, Yinson, Oriental Holdings dan United Plantations. Di masa akan datang, kami akan terus menambahbaik mekanisme penarafan kami dengan meningkatkan wajaran untuk integrasi ESG, selari dengan agenda kemampuan.

**Penilaian ESG pada 2016**



**Penilaian ESG pada 2015**





**PRINSIP 6****Penerbitan Polisi Undian***Pelabur Institusi perlu menerbitkan polisi undian*

KWSP menghargai hak mengundi berdasarkan pegangan ekuiti dalam syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia dan akan sentiasa menggunakan hak berkenaan untuk memastikan bahawa kepentingan ekonominya dilindungi. KWSP menerbitkan Prinsip Tadbir Urus Korporat dan Panduan Pengundian KWSP dalam laman sesawangnya.

<http://www.kwsp.gov.my/portal/en/web/kwsp/about-epf/investment-highlights/corporate-governance/epf-corporate-governance-principles-and-voting-guidelines-booklet>

Pada dasarnya, KWSP akan mengundi resolusi sejajar dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia dan kepentingan terbaik kepada semua pemegang saham. KWSP mungkin juga akan mengundi menentang atau berkecuali ke atas resolusi yang tidak memenuhi garis panduan berkenaan dan dilihat mempunyai konflik kepentingan, ketelusan yang tidak memuaskan atau di mana KWSP percaya boleh menjejaskan nilai jangka panjang kepada pemegang saham.

Begitu juga kami telah mengarahkan pengurus aset luar kami untuk mengundi berdasarkan peraturan terbaharu dalam Prinsip Tadbir Urus Korporat dan Panduan Pengundian KWSP.

Pendedahan aktiviti pengundian adalah seperti yang telah diberikan di atas dan turut dipaparkan di laman sesawang rasmi KWSP. Ini merangkumi jumlah keseluruhan mesyuarat syarikat yang KWSP telah mengundi dan maklumat lanjut mengenai isu-isu yang KWSP telah mengundi menentang pengurusan syarikat.

**TAMAT**